

# PROTOKOL PEMIKIRAN VERBAL DALAM PEMAHAMAN BACAAN TEKS BAHASA MELAYU

*Noor Aina Dani dan Zaleha Abd. Rahman*

## **Abstrak**

Membaca dan memahami teks bahan ilmiah merupakan satu masalah kepada sebilangan pelajar kerana mereka sukar mencari perbendaharaan kata yang berkaitan dengan istilah atau perkataan pinjaman serta sukar memproses leksikal. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti cara pemprosesan leksikal dan pemindahan positif bahasa kedua dalam pemahaman bacaan pelajar Tingkatan 4. Dapatan kajian ini diperoleh daripada data protokol pemikiran verbal dan laporan lisan. Data protokol pemikiran verbal dan laporan lisan dikumpul dengan menggunakan rakaman lalu ditranskripsikan sebelum dianalisis. Kajian ini dijalankan terhadap enam orang pelajar Tingkatan 4, dari SMK Dato' Hj. Mohd. Redza, Jalan Sikamat, Seremban. Mereka dikelompokkan ke dalam dua kumpulan, iaitu kumpulan pencapaian tinggi dan kumpulan pencapaian rendah. Satu petikan yang bertajuk, "Kaji Kandungan Program TV Tempatan," digunakan sebagai teks bacaan untuk protokol pemikiran verbal. Dapatan kajian menunjukkan berlaku pemindahan pengetahuan makna perbendaharaan kata bahasa Inggeris dan kata bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Pemindahan positif bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dikenal pasti daripada penggunaan terjemahan, pemindahan pengetahuan makna perkataan, dan penggunaan klu bahan petikan oleh pelajar ketika memproses teks bacaan. Dari segi penguasaan pemahaman, pencapaian pelajar agak rendah dan dapatan ini juga membuktikan bahawa pencapaian akademik tidak dapat menentukan penguasaan pemahaman bacaan pelajar.

## **Abstract**

*Reading and understanding the material of an academic text is a problem to certain students due to their difficulties in searching vocabulary*

*related to a term or loan word and problem in lexical processing. Therefore, this study is conducted to identify lexical processing method and second language positive transfer in reading comprehension from Form 4 students. The findings were elicited from think aloud protocol and oral retelling data. The think aloud protocol and oral retelling data were recorded, transcribed verbatim before analysed. The study was conducted on six Form 4 students from SMK Dato' Hj. Mohd. Redza, Jalan Sikamat, Seremban. Two groups were formed based on high and low academic achievement. An article entitled, "Kaji Kandungan Program TV Tempatan" (Analysing the Content of Local TV Programmes) is used as a reading comprehension text for think aloud protocol. The study shows the presence of second language positive transfer, that is the transfer of English word meaning knowledge into Malay language. The second language positive transfer is identified from the use of translation, transfer of word meaning knowledge and contextual clues, as shown by the students when processing reading comprehension text. The student's achievement in reading comprehension ability is rather low and finding also shows that academic achievement does not determine the students' reading comprehension mastery.*

## PENDAHULUAN

Protokol Pemikiran Verbal telah digunakan secara meluas sebagai sumber untuk mendapatkan data dalam kajian yang berkaitan dengan membaca, menulis, dan menyelesaikan masalah bahasa. Protokol Pemikiran Verbal diterima oleh ahli-ahli psikologi dan digunakan dalam banyak bidang penyelidikan. Protokol Pemikiran Verbal menggunakan kaedah pemerhatian langsung, yang diperkenalkan oleh Newell dan Simon pada tahun 1972 untuk mengkaji strategi penyelesaian masalah secara kognitif. Perkembangan dan perubahan terhadap penggunaan Protokol Pemikiran Verbal ini dirumuskan oleh Kucan dan Beck (1997), seperti yang berikut:

- Rumusan 1 Sepanjang tahun 1960 hingga 1980-an, Protokol Pemikiran Verbal lazim digunakan sebagai instrumen kajian, proses yang melibatkan pemikiran, penyelesaian masalah, dan pemahaman bacaan.
- Rumusan 2 Pada tahun 1980-an, Protokol Pemikiran Verbal digambarkan sebagai satu teknik untuk menunjukkan model kepada pelajar, sebagai satu strategi yang digunakan oleh guru bagi membantu pelajar memahami teks.
- Rumusan 3 Pada tahun 1990-an, Protokol Pemikiran Verbal diterima

untuk melengkapkan komponen pembentukan makna dalam interaksi sosial. Pemikiran verbal kurang digunakan sebagai instrumen atau strategi, malah lebih digunakan untuk satu aspek interaksi sosial, khususnya perbualan dalam konteks sosial yang dibentuk untuk mengajar pemahaman bacaan.

Dengan menggunakan Protokol Pemikiran Verbal, pengkaji dapat menjelaskan cara maklumat disimpan dan dikeluarkan serta dapat menunjukkan perkaitan antara pengujaran dengan proses kognitif yang sedang berlaku, yang melibatkan terjemahan pemikiran *bukan verbal* dalam bentuk verbal.

Proses tersebut boleh berlaku melalui dua bentuk pemikiran verbal yang amat berkait rapat dengan proses kognitif. Pertama, disebut “laporan verbal serentak”, dan kedua, “laporan retrospektif” (Ericsson dan Simon, 1993). Laporan verbal serentak dijalankan dengan “*bercakap kuat*” (*talk aloud*) dan “*berfikir kuat*” (*think aloud*), yakni dalam proses kognitif, subjek memberikan maklumat secara langsung, melalui ujaran satu per satu secara turutan. Proses pemikiran berlaku seiring dengan interaksi subjek dengan bahan tugas. Sewaktu berinteraksi dengan tugas, subjek mengujarkan apa-apa yang difahaminya secara terus, tanpa mengubah urutan pemikirannya.

Bentuk kedua, dikenali sebagai laporan retrospektif. Untuk mengujarkan maklumat secara retrospektif, subjek mengesan ingatan dalam suatu jangka masa yang agak panjang, dalam usaha untuk memahami tugas. Pengesanan ingatan ini dilakukan melalui ingatan jangka pendek atau ingatan jangka panjang, lalu maklumat yang diperoleh itu diujarkan. Laporan retrospektif yang berasaskan maklumat daripada ingatan jangka panjang memerlukan proses tambahan semasa penghasilannya, seperti proses pengekodan semula atau proses saringan.

Proses pengujaran pula dibahagikan kepada tiga tahap. Pada tahap pertama, pengujaran berlaku serentak dengan pemikiran. Apa-apa yang difikirkan akan terus diujarkan, dan tidak berlaku proses perantaraan ketika berinteraksi dengan tugas dan pemikiran. Pada tahap kedua, pengujaran melibatkan gambaran atau penerangan kandungan pemikiran. Pada tahap ini, subjek memerlukan lebih masa dalam menjalankan tugas dan mengaitkan maklumat yang dihasilkan dengan ingatan jangka pendek. Pada tahap ketiga pula, pengujaran memerlukan subjek menerangkan proses pemikirannya. Penerangan yang berkaitan dengan pemikiran tersebut bukan sahaja diperoleh melalui pengekodan semula maklumat yang wujud dalam ingatan jangka pendek, malah memerlukan perkaitan dengan maklumat dalam pemikiran

yang sedia ada serta yang sebelumnya. Perkaitan ini mungkin berlaku apabila maklumat yang diperoleh dikaitkan dengan pengetahuan atau pengalaman yang ada dalam ingatan jangka panjang. Pengujaran pada tahap ini, memerlukan proses tambahan dan berkemungkinan struktur proses pemikiran berubah serta menyebabkan pengubahsuaian. Penghasilan verbal ini dijelaskan pada Rajah 1.

### **Protokol Pemikiran Verbal dalam Pemahaman Bacaan**

Protokol Pemikiran Verbal juga turut diterapkan dalam kajian membaca kerana membaca merupakan salah satu daripada aktiviti penyelesaian masalah (Block, 1986). Protokol Pemikiran Verbal telah digunakan dengan meluas dalam penyelidikan membaca, sama ada bacaan dalam bahasa pertama atau bahasa kedua. Kaedah ini bertujuan untuk membuktikan proses mental yang berlaku dalam minda pembaca dalam pelbagai situasi. Kepelbagaian tujuan dalam penyelidikan ini telah menghasilkan beberapa bahan kajian yang berharga. Antaranya, taksonomi strategi bacaan, perbandingan bacaan dalam bahasa pertama dengan bahasa asing, dan pemindahan strategi bacaan antara pembaca yang cekap dengan pembaca yang lemah (Block, 1986), kesan pengetahuan sedia ada dalam bacaan dan pemahaman dan strategi yang digunakan dalam ujian bacaan dan pemahaman.

Prosedur pengujaran yang melibatkan proses perantaraan sebelum pengujaran, contohnya seperti permintaan terhadap penjelasan, motif dan lain-lain.


Kaedah ini, bukan sahaja dapat meneliti pemikiran pembaca, malah dapat mengenal pasti strategi yang digunakan untuk pemahaman. Dalam proses verbal, pembaca diminta menyuarakan fikiran mereka, apa-apa yang terlintas dalam fikiran ketika mereka membaca teks (membaca kuat). Kaedah ini juga boleh digunakan untuk mengkaji perbezaan individu, seperti tahap kemahiran membaca atau jumlah pengetahuan sedia ada yang digunakan.

Membaca merupakan salah satu aspek penting dalam penguasaan dan pembelajaran bahasa. Membaca dan memahami bahan bacaan penting untuk menambah ilmu pengetahuan. Pada masa ini, pelajar Melayu tidak berminat membaca bahan-bahan akademik kerana mereka tidak memahami perkara yang dibaca oleh mereka. Akibatnya, mereka hilang minat dan putus asa, apatah lagi apabila mereka tersua perkataan atau ayat yang sukar untuk diproses.


Antara faktor yang menyebabkan kelemahan pelajar dalam pemahaman bacaan ialah tahap kecekapan bahasa pelajar, tahap kesukaran sesuatu teks, pengetahuan sedia ada atau latar belakang pengalaman, minat, dan kesesuaian

**Keadaan Maklumat Difahami dalam Proses Kognitif**

**Membaca kuat**



**Berfikir kuat**



**Rajah 1** Kaitan antara keadaan Proses Kognitif dengan Laporan Verbal untuk pelbagai jenis prosedur Laporan Verbal.

Sumber: Ericsson dan Simon (1993).

strategi pemahaman yang digunakan. Selain masalah penguasaan bahasa dan kemahiran membaca, pelajar biasanya berhadapan dengan perkataan yang tidak biasa atau tidak pernah digunakan, perkataan yang tidak difahami, atau perkataan baharu. Perkataan ini memberikan kesan kepada pemahaman pelajar. Dengan menggunakan kaedah Protokol Pemikiran Verbal, pengkaji mendapatkan maklumat, melalui pengujaran, ketika proses pemahaman bacaan dijalankan. Sewaktu subjek berinteraksi dengan tugas yang diberikan, subjek mengujarkan pemikirannya dan daripada ujaran tersebut, data diperolehi. Melalui penghasilan verbal juga, pengkaji dapat meneliti empat proses yang berlaku, iaitu pengendalian, pengeluaran, penghuraian secara panjang lebar, dan penerangan maklumat.

Subjek kajian ini dibataskan kepada pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Pengkaji menekankan aspek kemahiran pemahaman bacaan. Aspek pemahaman bacaan yang dikaji ialah cara pemprosesan leksikal dan pemindahan positif bahasa kedua dalam pemahaman bacaan subjek kajian.

Dalam pemprosesan leksikal, pengkaji mengenal pasti perkataan yang sukar, atau tidak difahami oleh subjek kajian. Pengkaji meneliti cara subjek mengendalikan masalah pemahaman perkataan tertentu. Pemprosesan leksikal dibataskan kepada jenis bantuan konteks, iaitu penerangan definisi, pemberian perkataan sama erti, penghuraian langsung, pemberian makna yang berlawanan, pewujudan hubungan sebab dan akibat, dan ragam serta nada perbandingan (Marohaini Yusoff, 1999).

Pengkaji turut menganalisis pemindahan positif struktur bahasa kedua dalam pemahaman bacaan. Untuk tujuan tersebut, pengkaji meneliti bagaimana unsur bahasa kedua dapat membantu subjek memahami bahan bahasa Melayu yang dibaca.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengetahui cara pemprosesan leksikal dengan menggunakan PPV dalam pemahaman bacaan bahasa Melayu, dan
2. Mengetahui pemindahan positif bahasa kedua dalam pemahaman bacaan subjek kajian.

## **Definisi Operasional**

### **a. Protokol Pemikiran Verbal**

Protokol Pemikiran Verbal merupakan satu teknik yang digunakan untuk mendapat maklumat yang berlaku dalam proses kognitif. Melalui Protokol Pemikiran Verbal, subjek akan menterjemah pemikiran, perasaan dan pendapat mereka secara verbal, ketika mereka berinteraksi dengan bahan tugas yang disediakan.

### **b. Pemahaman Bacaan**


Pearson dan Johnson (1978) mengatakan bahawa pemahaman bacaan boleh dilihat sekali gus sebagai satu proses, dan sebagai satu hasil. Jika dipandang sebagai suatu proses, pemahaman bacaan lebih merupakan usaha membina jambatan antara maklumat baharu yang diperolehi

daripada teks, dengan maklumat lama yang sudah pun diketahui oleh pembaca. Proses membaca merangkumi berbagai-bagai kemahiran, bermula daripada peringkat asas, seperti mengenal perkataan, hinggalah kepada yang lebih kompleks, seperti kebolehan membuat inferens, menilai, dan menghayati.

## METODOLOGI KAJIAN

### Model Protokol Pemikiran Verbal


Ericsson dan Simon (1993) menggariskan tiga peringkat ujaran. Pada peringkat pertama, maklumat yang diujarkan tidak berubah bentuknya sebagaimana yang dienkodkan dalam ingatan jangka pendek. Proses pengujaran pada peringkat pertama ini dapat dijelaskan pada Rajah 2.



**Rajah 2** Maklumat dalam ingatan, bentuk linguistik.

*Sumber:* <http://www.phil.cmu.edu/staff/icares/Intro-lectures/ThinkAloud.pdf> (21 Feb. 2003).


Pada peringkat kedua, maklumat yang diujarkan sudah berubah bentuk sebelum diujarkan. Sebagai contoh, imej atau sesuatu konsep yang abstrak perlu diubah kepada bentuk perkataan sebelum diujarkan. Peringkat ini merupakan perantaraan proses kognitif antara ingatan jangka pendek dengan pengujaran. Oleh itu, sesuatu maklumat itu tidak dapat dilaporkan terus dan akan mengambil sedikit masa, iaitu lebih daripada 10 saat untuk melaksanakan tugas (Ericsson dan Simon, 1993). Pada peringkat ini, subjek berkemungkinan mentafsirkan proses pemikiran mereka atau membentuk satu tafsiran baharu, dan mengeluarkan maklumat daripada ingatan jangka panjang (lihat Rajah 3).



**Rajah 3** Maklumat dalam ingatan, bentuk bukan linguistik.

Sumber: <http://www.phil.cmu.edu/staff/icares/Intro-lectures/ThinkAloud.pdf> (21 Feb. 2003).

Pada peringkat ketiga, berlaku tambahan kepada maklumat yang diperoleh dan seterusnya mengubah urutan maklumat yang difahami (lihat Rajah 4). Beberapa proses tambahan berlaku ketika maklumat tersebut diterima sebagai perantaraan sebelum diujarkan. Antara proses tambahan yang berlaku ialah proses saringan. Sebagai contoh, subjek diminta mengujarkan maklumat yang tertentu sahaja, yang berkaitan dengan topik tugas. Di samping itu, subjek membuat inferens berdasarkan pemahaman mereka sendiri ataupun subjek mengeluarkan maklumat daripada ingatan jangka panjang. Proses tambahan ini mengganggu aliran maklumat dalam ingatan jangka pendek kerana telah berlaku pengubahsuaian.



**Rajah 4** Perantaraan dalam proses protokol.

Sumber: <http://www.phil.cmu.edu/staff/jcares/Intro-lectures/ThinkAloud.pdf> (21 Feb. 2003).



## Cara Pemrosesan Leksikal

Untuk mencapai pemahaman dalam bacaan, seseorang pembaca perlu mengenal atau mengecam dan memahami makna perkataan yang ditemuinya dalam pembacaan. Pelbagai cara boleh digunakan oleh pembaca untuk mengetahui makna sesuatu perkataan. Salah satu cara yang boleh digunakan oleh pembaca untuk mengendalikan perkataan yang tidak difahaminya adalah dengan menggunakan konteks. Penggunaan konteks ini memerlukan pembaca membuat inferens, iaitu kebolehan untuk melihat atau membentuk hubungan tersurat dan juga tersirat antara perkataan baharu dengan konteks penggunaannya (Marohaini Yusoff, 1999). Vacca (1981) dan Roe, Stoodt, Burns (1978) dalam Marohaini Yusoff (1999) menggariskan beberapa jenis bantuan konteks yang dapat digolongkan dalam jenis ini. Huraian dan contoh yang jelas tentang jenis bantuan konteks sintaksis dan semantik ini dihuraikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Jenis bantuan konteks.

Jenis bantuan	Huraian	Contoh
Definisi	Makna perkataan baharu dinyatakan dengan memberikan definisi dan dapat dikesan melalui penggunaan perkataan iaitu, ialah, dikenali, dinamakan, tanda bacaan.	<b>Daerah ialah</b> lingkungan pemerintahan sesebuah negeri  <b>Menyunting merupakan ...</b>
Sinonim	Menggandingkan perkataan sukar dengan perkataan yang sama erti yang telah diketahui maknanya.	Orang yang suka <b>berbohong</b> ni selalu beri <i>maklumat palsu</i> ...
Antonim	Menyatakan makna perkataan dengan memberikan perkataan atau frasa yang mempunyai erti yang berlawanan.	Pak Abu seorang yang <b>peramah</b> , sedang anaknya <i>suka menyendiri</i> ...
Penerangan langsung melalui: - contoh - pernyataan semula	Menyatakan makna sesuatu perkataan baharu dengan memberikan maklumat tambahan dalam bentuk frasa, klausa, dan ayat.	Buah-buahan tempatan seperti manggis, langsung ... Siti <b>anak emas</b> , ayahnya amat menyayanginya ...
Perbandingan	Membandingkan makna perkataan baharu dengan sesuatu (benda atau sifat) yang biasa didengar atau diketahui maksudnya. Perkataan seperti, macam, bagai, dan lain-lain.	Mukanya <b>masam</b> macam cuka.

sambungan **Jadual 1.**

Jenis bantuan	Huraian	Contoh
Sebab-akibat	Makna perkataan dapat diteka atau diramalkan dengan melihat hubungan sebab-akibat.	Malaysia negara <b>demokrasi</b> <i>keranarakyatnya</i> ...
Ragam dan nada	Makna perkataan dapat diteka melalui penggunaan ragam dan nada – nada jenaka, sindiran, ejekan, cemuhan, atau serius.	Gopal <i>menjerit-jerit dan nada melompat-lompat</i> <b>keriangan</b> menyambutkepulangan ...

Sumber: Marohaini Yusoff (1999).

## Pemindahan Positif Bahasa Kedua

Menurut ahli psikologi behavioris, pemindahan merupakan satu proses penggunaan pembelajaran tingkah laku yang lepas dalam cubaan untuk membentuk satu respons yang baharu (Dulay, 1982). Proses ini berlaku sama ada secara automatik, tanpa kawalan atau di bawah sedar. Pemindahan juga digunakan oleh ahli psikologi pendidikan dan pendidik untuk menerangkan penggunaan pengetahuan dan pengalaman lepas dalam situasi baharu. Golongan ini membahagikan pemindahan kepada dua jenis, iaitu positif dan negatif.

Pemindahan positif terjadi apabila pembelajaran yang lepas memacu situasi pembelajaran yang baharu. Menurut Noor Aina Dani (1996), pemindahan bahasa yang positif menghasilkan perlakuan yang betul kerana tingkah laku yang baharu, sama dengan kebiasaan yang lama. Pemindahan ini melibatkan penggunaan bawah sedar kebiasaan lama yang serta-merta dalam mempelajari tingkah laku yang baharu.

Cummins (1979) dalam Normawati Mohd. Shariff (1996), mengutarakan dua hipotesis yang menerangkan interaksi dinamik antara kecekapan bahasa pertama dan bahasa kedua. Hipotesis pertama ialah usaha untuk mengatasi masalah dapatan yang tidak tekal dalam kajian dwibahasa. Analisisnya mendapati bahawa tahap kecekapan linguistik bahasa pertama atau bahasa kedua pembaca bahasa kedua mempengaruhi perkembangan bahasa kedua, sama ada secara positif atau negatif. Hipotesis kedua menerangkan perkaitan antara kecekapan linguistik bahasa pertama dengan bahasa kedua. Cummins menekankan bahawa terdapat hubungan resiprokal, yakni pemindahan kemahiran bukan sahaja berlaku daripada bahasa pertama

kepada bahasa kedua, malah juga sebaliknya. Analisis tentang kecekapan leksikal, pengetahuan konsep, dan kebolehan mendekod makna perkataan menunjukkan berlakunya pemindahan beberapa jenis kemahiran. Hipotesis ini juga menjelaskan bahawa pengetahuan linguistik dapat membantu pemindahan antara bahasa.

### **Ruang Lingkup Kajian**

Kajian kes digunakan oleh penyelidik untuk melihat diri individu dalam pembelajaran bahasa Melayu secara terperinci, khususnya pemahaman bacaan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara terperinci pemrosesan leksikal dan pemindahan positif bahasa kedua dalam pemahaman bacaan subjek kajian. Kajian kes dijalankan terhadap enam orang pelajar di SMK Dato' Haji Mohd. Redza, Seremban. Memandangkan kajian ini merupakan kajian kes, pengkaji memerlukan masa yang panjang untuk menyempurnakan pemerhatian.

Subjek kajian (seterusnya subjek) terdiri daripada enam orang pelajar Melayu, iaitu tiga orang dalam kumpulan pencapaian tinggi (seterusnya PT), yang dikodkan sebagai PT1, PT2 dan PT3, manakala tiga orang pelajar lain dalam kumpulan pencapaian rendah (seterusnya PR), dikodkan sebagai PR1, PR2 dan PR3. Pencapaian akademik subjek berasaskan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR). Bagi kajian ini, kumpulan PT terdiri daripada pelajar yang memperoleh 6A hingga 9A dan kumpulan PR ialah pelajar yang memperoleh 1A hingga 5A. Pelajar Tingkatan 4 ini berumur dalam lingkungan 16 hingga 17 tahun.

Penggunaan Protokol Pemikiran Verbal untuk mengumpul data menyebabkan jumlah subjek yang diambil kecil. Menurut Trollope (1998), pengumpulan data yang menggunakan kaedah kualitatif mengambil masa yang panjang dan jumlah sampel adalah kecil.

### **Penganalisan Data**

Dalam kajian ini, data verbal yang diperolehi dianalisis secara kualitatif. Analisis secara kualitatif ini merupakan satu teknik menganalisis data secara terperinci. Setiap subjek dikehendaki membaca teks bacaan yang disediakan dan sekali gus melaksanakan PPV. Petikan Pemahaman Bacaan yang bertajuk "Kaji Kandungan Program Televisyen Tempatan", boleh dirujuk pada Lampiran A. Data setiap subjek dirakam dan ditranskripsikan.

## **PERSEMBAHAN DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Protokol Pemikiran Verbal merupakan satu teknik yang diperkenalkan oleh Newell dan Simon (1972), bagi mengkaji strategi penyelesaian masalah kognitif. Daripada dapatan kajian yang dijalankan, didapati Protokol Pemikiran Verbal sesuai digunakan untuk penyelidikan bacaan kerana membaca merupakan salah satu daripada aktiviti penyelesaian masalah, serta dapat meneliti proses yang berlaku ketika pemahaman bacaan. Penyelidik boleh meneroka pemikiran pembaca, mengenal pasti cara pemprosesan leksikal dan pemindahan positif bahasa kedua subjek kajian.

### **Mengenal Pasti Cara Pemprosesan Leksikal melalui PPV dalam Pemahaman Bacaan Teks Bahasa Melayu**

Pengetahuan makna sesuatu perbendaharaan kata penting dan dianggap sebagai satu komponen pemahaman bacaan. Haris dan Sipay (1980) menjelaskan bahawa pengecaman perkataan merupakan prasyarat untuk memahami teks yang dibaca. Hasil kajian ini mendapati bahawa hanya 21 patah perkataan sahaja dalam teks bacaan, yang dikenal pasti oleh subjek sebagai perkataan yang sukar atau tidak difahami, atau perkataan baharu. Kebanyakan perkataan tersebut ialah perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa subjek kurang pengetahuan tentang makna perbendaharaan kata, khususnya perkataan pinjaman bahasa Inggeris.

Dengan menggunakan Protokol Pemikiran Verbal, pengkaji dapat membuat penelitian tentang cara subjek memproses perkataan yang sukar atau tidak difahami, atau perkataan baharu (lihat Lampiran C). Teknik yang diberikan perhatian ialah teknik bantuan konteks, dan tiga teknik lain, iaitu abaikan, minta bantuan, dan pencarian semula. Menurut Marohaini Yusoff (1999), teknik bantuan konteks sangat mudah digunakan, dan berkait rapat dengan pemahaman bacaan, serta digemari oleh ramai pembaca dewasa.

Teknik bantuan konteks yang gemar digunakan oleh subjek kajian ialah pemberian makna seerti (33.8%) dan penghuraian langsung (19.4%). Subjek cenderung memberikan makna perkataan seerti, atau sinonim, sebagai padanan perkataan yang tidak diketahui maknanya dalam teks. Pemberian makna seerti ini berlaku secara spontan, sebaik-baik sahaja subjek mengujarkan perkataan tersebut. Contoh yang berikut menunjukkan cara subjek menggunakan teknik ini dengan menyebut makna seerti, secara spontan sebaik-baik sahaja perkataan yang sukar atau tidak difahami diujarkan:

Perkataan	Protokol Pemikiran Verbal
universal	Sebelum ini saya mengemukakan satu pandangan yang bersifat aaaa ... <u>universal</u> ataupun <u>menyeluruh</u> ... (PR2)
korelasi	Terdapat <u>korelasi</u> atau <u>hubung kait</u> yang rapat ... (PR2)
imaginasi	... adegan-adegan yang penuh imaginasi maknanya aaaa ... apa? Adegan yang lebih kepada <u>imaginasi</u> yakni <u>gambaran</u> . (PT1)

Subjek juga memberikan makna perkataan seerti, perkataan yang sukar atau tidak difahami maknanya, secara terus, tanpa mengujarkan perkataan tersebut, contohnya:

Perkataan	Protokol Pemikiran Verbal
analitikal:	<i>Menyedari bahawa televisyen boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan, saya mencadangkan atau menyarankan supaya satu kajian yang <u>terperinci</u> perlu diadakan. (PT2)</i>
mengoptimumkan:	Yang bertujuan untuk <u>menambahkan</u> unsur-unsur manfaat dan apa ... merendahkan lagi kesan-kesan mudarat yang terdapat dalam televisyen tempatan ni. (PR3)

Dengan menggunakan Protokol Pemikiran Verbal, didapati subjek memberikan makna yang tidak tepat, ketika menyelesaikan masalah perbendaharaan kata melalui teknik ini. Contoh yang berikut menunjukkan usaha subjek menyelesaikan masalah perbendaharaan kata, tetapi tidak berjaya. Subjek PT2 gagal memberikan makna yang tepat bagi perkataan “*optimis*” iaitu “*sikap yang merendah diri*”, manakala subjek PR2 memberikan makna yang salah bagi perkataan “*dampak*,” iaitu “*pengaruh, ikutan*”.

Perkataan	Protokol Pemikiran Verbal
optimis:	<i>Saya berkata sedemikian dengan sikap yang ... optimis, sikap yang ... Saya mengemukakan pandangan tersebut dengan sikap yang <u>optimis</u> ... aaaa ... dengan <u>sikap yang merendah diri</u> ... (PT2)</i>
dampak:	<i>Oleh sebab itu tidaklah hairan jika <u>dampak</u> ... <u>dampak</u>, dan pengaruhnya begitu tersebar dan meluas, <u>dampak</u> dan <u>pengaruh</u>, <u>ikutan</u> ... menjadi ikutan ... (PR2)</i>

Seterusnya, subjek juga kerap menggunakan teknik “penghuraian langsung” bagi mengatasi masalah perbendaharaan kata. Melalui teknik ini, subjek menghuraikan makna perkataan dengan menggunakan maklumat tambahan, serta menggunakan frasa, klausa atau ayat yang mudah difahami. Yang berikut dikemukakan beberapa contoh Protokol Pemikiran Verbal yang menunjukkan cara teknik ini diaplikasikan oleh subjek:

- i. “... merupakan kekuatan integriti Cina. Integriti budaya ni mungkin mmmm ... ciri. Integriti ni mungkin ciri budaya Cina dari pelbagai seni, pelbagai segi.” (PR1).
- ii. “... Mungkin mengimplementasikan tu mengatur strategi untuk meningkatkan mutu.” (PR1)
- iii. “Di samping itu, pemantauan juga perlu dalam usaha untuk mengimplementasikan strategi untuk meningkatkan mutu. Pemantauan ini juga perlu dalam usaha untuk merangka satu perancangan atau strategi untuk meningkatkan mutu.” (PT2)

Kadang-kadang subjek mengabaikan perkataan yang sukar atau perkataan yang tidak difahami ketika Protokol Pemikiran Verbal. Pengabaian ini dijelaskan secara eksplisit dengan menyatakan kegagalan mengatasi masalah perbendaharaan kata tersebut, seperti “saya tak taulah maksudnya ni”, atau “biarlah”, atau “entahlah”. Selain itu, subjek membiarkan masalah tersebut tanpa melakukan sebarang usaha untuk mengatasinya; sebaliknya meneruskan Protokol Pemikiran Verbal. Menurut Paribakht dan Wesche (1999), salah satu sebab perkataan dalam teks diabaikan ialah perkataan itu dianggap tidak relevan, atau tidak penting untuk tugas yang perlu disempurnakan.

Terdapat subjek yang menggabungkan beberapa teknik untuk mengatasi masalah satu perbendaharaan kata. Sebagai contoh, dalam kajian ini terdapat tiga teknik digunakan secara berurutan bagi mencari makna perkataan, “aspirasi” dan “provokatif.” Teknik yang digunakan ialah teknik “*retrieval*”, “membuat rujukan”, dan “mengabaikan perkataan”. Pengetahuan penggunaan pelbagai teknik untuk menyelesaikan masalah perbendaharaan kata penting kerana guru perlu mengetahui banyak cara untuk memperkenalkan perkataan baharu dan memberikan peluang yang banyak kepada murid untuk berlatih menggunakannya.

### **Mengenal Pasti Pemindahan Positif Bahasa Kedua dalam Pemahaman Bacaan Subjek Kajian**

Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ialah salah satu mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah. Dalam kajian ini, pengkaji

meneliti pemindahan positif bahasa kedua, yakni pengetahuan dan pengalaman subjek dalam mempelajari bahasa Inggeris secara formal selama 10 tahun membantu subjek untuk memahami teks bahasa Melayu, khususnya ketika subjek mengendalikan perkataan pinjaman dalam bahasa Inggeris. Perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam petikan hampir sama sebutan dan maknanya dalam bahasa Melayu.

Hasil kajian ini mendapati bahawa memang berlaku pemindahan positif bahasa kedua dalam usaha subjek memahami teks yang mengandungi perkataan pinjaman bahasa Inggeris. Terdapat pemindahan positif daripada pengetahuan perbendaharaan kata bahasa Inggeris kepada pengetahuan perbendaharaan kata bahasa Melayu, melalui kata pinjaman bahasa Inggeris. Pemindahan positif juga berlaku melalui penggunaan bahasa Inggeris bagi membantu subjek memahami teks. Daripada analisis Protokol Pemikiran Verbal yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa pemindahan positif bahasa kedua yang kerap berlaku ketika subjek berinteraksi dengan teks bacaan adalah seperti yang berikut:

- i. Terjemahan.
- ii. Pemindahan pengetahuan makna perkataan.
- iii. Penggunaan klu daripada bahan petikan.

### **i. Terjemahan**

Pemindahan positif bahasa kedua berlaku apabila subjek menterjemah perkataan bahasa Melayu daripada petikan kepada bahasa Inggeris. Situasi ini menunjukkan subjek menggunakan pengetahuannya dalam bahasa Inggeris ataupun subjek mempunyai pengetahuan makna bahasa Inggeris, lalu menterjemahkan perkataan bahasa Melayu dalam teks kepada bahasa Inggeris. Sebagai contoh, perkataan *ruang lingkup* diterjemahkan kepada *skop*, atau perkataan *dampak* kepada *impak*, atau perkataan *kesan* kepada *effect*.

Menurut Kern (1994), ada kalanya subjek membuat terjemahan dalam mental, dan ini dilakukan sebagai tindak balas terhadap gangguan pemahaman bacaannya. Kern (1994) menjelaskan bahawa sekiranya maklumat visual yang diterima oleh pembaca tidak dapat bertindak balas dengan gambaran makna teks yang sedia ada pada pembaca, maka pembaca menggunakan terjemahan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah pemahaman bacaan. Penggunaan terjemahan secara berselang-seli merupakan tindak balas jangka pendek dalam menghadapi gangguan pemahaman

bacaan. Situasi seperti ini dapat ditunjukkan dalam Protokol Pemikiran Verbal (PPV) yang berikut:

Baca Dan sejauh manakah potensi televisyen telah dimanfaatkan dalam usaha mencapai aspirasi pembentukan satu identiti bangsa Malaysia mengikut acuan kita sendiri?

PPV *Maknanya sejauh manakah kebolehan televisyen ni telah diguna pakai aaaa ... ke arah kebaikan, dalam usaha mencapai aspirasi ni mungkin aaaa ... cita-cita kita dalam pembentukan satu identiti ni macam trade marklah ... bangsa Malaysia mengikut cara kita sendiri. (PT1)*

Menurut Kern (1994) lagi, faktor seperti kepanjangan ayat, kesukaran sintaksis, dan kesukaran semantik, mempengaruhi tindakan pembaca untuk melakukan terjemahan. Keadaan ini dapat dibuktikan dalam Protokol Pemikiran Verbal yang berikut, yang menunjukkan subjek sukar untuk menerangkan perkaitan antara *televisyen* dengan *sikap agresif kanak-kanak*. Subjek menghadapi kesukaran dalam menjelaskan perkaitan tersebut, dan perkataan *aktif* dan *excited* digunakan bagi menjelaskan maksud *agresif*.

Baca Terdapat korelasi atau hubung kait yang rapat antara pendedahan adegan-adegan ganas di televisyen dengan sikap agresif kanak-kanak yang menonton.

PPV *Ok. Maknanya aaaa ... macam ada hubung kait yang rapat antara pendedahan adegan ganas daripada TV ni dengan sikap agresif ni macam mana ... apa ... aktif ataupun excitedlah kanak-kanak yang menonton cerita-cerita ni. (PT1)*

Sekiranya subjek membaca perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang mudah, subjek cenderung berfikir atau menggunakan bahasa Melayu bagi menjelaskan makna perkataan pinjaman tersebut. Keadaan ini berlaku apabila subjek terus menggunakan bahasa Melayu dalam Protokol Pemikiran Verbal untuk menjelaskan makna perkataan tertentu atau memberikan sinonim, tanpa menyebut perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang dibacanya itu. Contoh yang berikut menunjukkan subjek mengubah maklumat visual perkataan *kontras* dan *integriti* dalam teks, dengan memproses makna perkataan tersebut dalam bahasa Melayu.

Baca Filem-filem Melayu ini begitu kontras berbanding filem-filem Cina; memaparkan keperkasaan dan integriti budaya Cina dari pelbagai segi.



PPV *Filem-filem Melayu yang menyiarkan, aaaa ... yang menyiarkan isi yang penuh dengan persengketaan ini begitu berbeza dengan filem-filem Cina, yang mana filem Cina banyak memaparkan tentang kejayaan ataupun kebaikan budaya Cina daripada pelbagai aspek. (PT1)*

Situasi ini dianggap sebagai satu perubahan gambaran maklumat yang dapat digunakan oleh pembaca. Terjemahan maklumat seperti ini membantu pembaca untuk menghindari halangan yang timbul ketika memahami teks, khususnya dalam bahasa kedua (Kern,1994). Kern menggunakan istilah “mesra pengguna”, kerana perubahan maklumat visual ke dalam gambaran mental memberikan keyakinan kepada pembaca tentang kebolehannya memahami teks, khususnya teks bahasa kedua.

## ii. Pemindahan pengetahuan makna perkataan

Pengetahuan makna perkataan memainkan peranan yang amat penting dalam pemahaman bacaan. Terdapat hubungan resiprokal yang kukuh antara pengetahuan makna perkataan dengan bacaan (Anderson dan Freebody, 1985). Kajian ini jelas membuktikan bahawa pengetahuan makna perkataan dalam bahasa Inggeris menghasilkan pemindahan positif kepada perbendaharaan kata pinjaman bahasa Melayu. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan Normawati Mohd. Shariff (1996) bahawa pemindahan pengetahuan perbendaharaan kata daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu berlaku melalui perkataan pinjaman. Hasil kajiannya menepati dapatan kajian yang dilakukan oleh Nagy *et al.* (dalam Normawati Mohd. Shariff, 1996) bahawa pelajar dwibahasa Inggeris-Sepanyol dapat mengetahui makna perkataan bahasa Inggeris, sekiranya mereka tahu makna perkataan tersebut dalam bahasa Sepanyol.

Pemindahan positif berlaku kerana subjek yang mengetahui makna sesuatu perkataan pinjaman bahasa Inggeris memberikan persamaan perkataan tersebut. Contohnya seperti yang berikut:

Universal	–	bersifat menyeluruh
Komuniti	–	masyarakat
Analitikal	–	terperinci

Subjek menggunakan pelbagai sumber pengetahuan kosa katanya yang sedia ada untuk membuat inferens sesuatu makna perkataan. Dengan menggunakan pelbagai sumber pengetahuan ini, subjek berjaya meng-

hasilkan pemindahan positif bahasa kedua. Kajian yang dilakukan oleh Paribakht dan Wesche (1999) menunjukkan bahawa kira-kira 80 peratus kes yang telah dikenal pasti menunjukkan subjek menggunakan pengetahuan lepas atau maklumat sedia ada dalam teks bacaan ketika membuat inferens sesuatu makna perkataan. Antara pengetahuan yang dikemukakan ialah morfologi, tanda bacaan, pengetahuan latar, hubungan wacana, dan teks.

Contoh temu bual yang berikut menunjukkan bahawa subjek mengaitkan pengetahuan latarnya bagi membuat inferens makna perkataan *sosialisasi* dan perkataan *optimis*.

*“Sosialisasi ni saya anggap sebagai ejen perhubungan. Televisyen ni boleh menghubungkan kita ... macam berita ke ...”* (PT1)

*“Sikap yang optimis ini ... saya belajar Komsas ni adalah jumpa perkataan optimis ni ... saya pun ingat-ingat lupa. Masa tingkatan tiga dalam komsas.”* (PT 1)

Ternyata subjek menggunakan sumber pengetahuan morfologi kerana pengetahuan subjek tentang kata terbitan bahasa kedua (seperti kata dasar, imbuhan *-tion*, *-ly* dan lain-lain) membantu subjek membuat inferens terhadap makna perkataan. Contoh Protokol Pemikiran Verbal yang berikut menunjukkan pemindahan positif bahasa kedua berasaskan sumber morfologi yang digunakan oleh subjek untuk membantu pemahaman bacaan.

*“Dan sejauh manakah kebolehan televisyen itu dapat digunakan dalam usaha mencapai aspirasi, aspiration, aspirasi pembentukan, mencapai aaaa ... aspirasi pembentukan satu identiti bangsa Malaysia mengikut acuan kita sendiri.”* (PR2)

*“Barangkali kenyataan sedemikian adalah satu kesimpulan aaaa ... Barangkali kenyataan sedemikian adalah satu aaaa ... kesimpulan ataupun secara keseluruhan ... umum dan agak provokatif, agak provok, provokatif, agak provokatif, tak dapatlah provokatif ni ...”* (PR2)

*“Oleh kerana TV mempunyai pengaruh yang amat besar, saya mencadangkan supaya kajian yang menyeluruh dan analitikal diadakan ... analitikal tu mungkin ... (diam sekejap) analisis.”* (PR1)

### iii. Penggunaan klu daripada bahan petikan

Penggunaan klu, merupakan satu teknik dalam pemprosesan leksikal. Subjek telah menggunakan teknik ini untuk mengatasi masalah perbendaharaan kata, khususnya perkataan pinjaman bahasa Inggeris. Dalam

kajian ini, pemindahan positif berlaku apabila subjek menggunakan klu konteks sintaksis bagi menerangkan maksud *integral*. Subjek menghuraikan maksud *integral* sebagai, “*tidak terpisah dalam kehidupan sehari-hari*”. Huraian ini menunjukkan subjek mengenali ayat “*tidak terpisah dalam kehidupan sehari-hari*” daripada teks bacaan sebagai perkaitan yang jelas dan rujukan langsung bagi perkataan *integral*. Contohnya seperti yang berikut:

Baca Saya menganggap kajian sedemikian adalah penting kerana TV merupakan satu bahagian yang integral tidak terpisah – dalam kehidupan kita sehari-hari.

PPV *Saya menganggap kajian sedemikian adalah penting kerana televisyen merupakan satu bahagian integral ataupun tidak terpisah dalam kehidupan kita sehari-hari. (PT1)*

Contoh temu bual yang berikut menunjukkan subjek menggunakan konteks sintaksis bagi membuat inferens makna perkataan *mengoptimumkan*. Pemindahan positif berlaku apabila subjek mengaitkan makna perkataan *mengoptimumkan* dengan frasa *unsur-unsur manfaat*.

*“Mengoptimumkan saya tengok konteks dalam ayat ... iaitu mengoptimumkan unsur-unsur manfaat ... mestilah nak tingkatan yang baik ... takkan kita nak kurangkan yang baik.” (PT1)*

Pemindahan positif bahasa kedua juga berlaku apabila subjek mengaitkan klu dengan ayat sebelumnya. Contoh temu bual yang berikut menunjukkan cara subjek membuat inferens terhadap makna perkataan *mengimplementasi*. Subjek mengaitkan makna perkataan dengan ayat yang dibaca dalam perenggan sebelumnya.

*“Mengimplimentasikan strategi ni ada dia cakap kat atas tadi ... Hasil kajian dapat dijadikan kajian untuk merangka satu perancangan dan strategi ...” (PT1)*

Subjek juga menggunakan *kata hubung* “atau” sebagai klu untuk mengetahui makna perkataan pinjaman bahasa Inggeris seperti perkataan *bias* dan *korelasi*. Contoh dalam teks ialah, “*bias* atau *berat sebelah*; dan *korelasi* atau *hubung kait*”. Dengan menggunakan klu ini maka secara tidak langsung berlaku pemindahan positif bahasa kedua yang membantu subjek dalam pemahaman bacaan.

## KESIMPULAN

Protokol Pemikiran Verbal merupakan satu prosedur pengumpulan data melalui pemerhatian yang sistematik terhadap pemikiran yang berlaku ketika individu membaca teks atau petikan (lihat Lampiran B). Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat meneliti proses yang tidak dapat dilihat secara visual. Misalnya, pengkaji dapat mengenal pasti cara subjek membuat inferens atau menggunakan pengetahuan sedia adanya untuk mengatasi masalah memahami teks yang dibaca. Protokol Pemikiran Verbal sangat sesuai digunakan untuk mengesan kesukaran yang dihadapi oleh subjek sewaktu berinteraksi dengan teks bacaan. Pengkaji dapat mengenal pasti cara subjek menjana pengetahuan sedia adanya, serta cara pengetahuan ini diaplikasikan untuk membantu pemahaman teks. Ringkasnya, Protokol Pemikiran Verbal ialah kaedah terbaik untuk mengimbas proses pemahaman pembaca teks atau petikan.

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa subjek lebih banyak memberikan tumpuan kepada pemprosesan makna perkataan dan hubungan perkataan dalam frasa serta ayat. Oleh itu, pengkaji mengandaikan subjek sebagai pembaca yang kurang mahir. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pencapaian penguasaan pemahaman bacaan subjek rendah, walaupun mereka mempunyai pencapaian akademik yang tinggi.

Ada subjek yang melibatkan pemikiran mereka dalam proses membaca secara aktif kerana pembaca berusaha mengaitkan maklumat dalam teks dengan pengetahuan latar yang memang sedia ada dalam ingatannya. Di sini jelas bahawa pengetahuan latar memainkan peranan untuk membantu menjelaskan idea dan maklumat dalam teks. Penggunaan pelbagai sumber pengetahuan di pihak subjek dapat mewujudkan pemindahan positif bahasa kedua.

Subjek menggabungkan pelbagai teknik bagi menyelesaikan masalah perbendaharaan kata. Subjek menggunakan cara yang berbeza untuk memahami teks. Penggunaan kepelbagaian teknik pemprosesan leksikal ini perlu dititikberatkan agar menghasilkan pemahaman bacaan teks yang sepenuhnya.

Penggunaan bahasa pinjaman seperti bahasa Inggeris merupakan satu perkembangan yang positif untuk memodenkan bahasa Melayu. Walaupun dalam kajian yang dijalankan oleh Normawati Mohd. Shariff (1996) mendapati bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan leksikal bahasa Inggeris dengan pemahaman bacaan teks bahasa Melayu, pembaca harus memperkaya diri mereka dengan perbendaharaan kata pinjaman bahasa Inggeris. Sekiranya pembaca mempunyai kecekapan mengakses kedua-dua bahasa tersebut, maka maklumat

pemindahan antara bahasa boleh melahirkan pelajar dwibahasa yang kaya dengan sumber pengetahuan tentang makna perkataan.

## RUJUKAN

- Anderson, R.C. dan P. Freebody, 1985. "Vocabulary Knowledge" dlm. *Theoretical Models and Processes of Reading* (3rd ed.) diedit oleh H. Singer dan R.B. Ruddell. Newark, DE: International Reading Association.
- Block, E., "The Comprehension Strategies of Second Language Readers" dlm. *TESOL Quarterly*, 20:3, hlm. 463-494, 1986.
- Dulay, H., Burt, M., Krashen, S., 1982. *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Ericsson, K.A. & Simon, H.A., 1993. *Protocol Analysis: Verbal Reports as Data*. London: The MIT Press.
- Haris, A.J. dan Sipay, E.R., 1980. *How To Increase Reading Ability*. New York: Longman Inc.
- Kern, R.G., "The Role of Mental Translation in Second Language Reading" dlm. *Studies in Second Language Acquisition* 16, hlm. 441-461, 1994.
- Kucan, L. & Beck, "Thinking Aloud And Reading Comprehension Research: Inquiry, Instruction, and Social Interaction" dlm. *Review of Educational Research* 67:3, hlm. 271-299, 1997.
- Marohaini Yusoff, 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newell, A., & Simon, J.A., 1972. *Human Problem Solving*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Noor Aina Dani, 1996. "Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun". Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Normawati Mohd. Sharif, 1996. "The Relationship between English Vocabulary Knowledge and Reading Comprehension of Malay Technical Text". Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Texas, Austin.
- Pearson, P.D., & Johnson, D., 1978. *Teaching Reading Comprehension*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Paribath, T. Sima & Wesche, Majorie, "Reading and Incidental L2 Vocabulary Acquisition" dlm. *Studies in Second Language Acquisition* 21, hlm. 195-224, 1999.
- Ting Su Hie, 1995. "Examining Comprehension Strategy-Use via Thinking Aloud and Comprehension via Retelling. A Comparative Study of Proficient and Less Proficient ESL Readers at Matriculation Level", Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Trollope, J., 1998. *On-and off-line reading strategies*. <http://easyweb.easynet.co.uk/~john.trollope/on-off/12read.htm>. (Dicapai pada 23 Mac 2002).

## PETIKAN PEMAHAMAN BACAAN

**Kod Subjek:** \_\_\_\_\_

### **Kaji Kandungan Program Televisyen Tempatan**

Sebagai ejen sosialisasi peranan televisyen mustahak benar. Isi kandungannya patut dikaji agar budaya tidak tercemar. Sebelum itu saya mengemukakan satu pandangan yang bersifat universal bahawa filem-filem India yang disiarkan oleh televisyen tempatan membawa kesan yang mengalpakan penonton dengan adegan-adegan yang penuh imaginasi. Manakala filem-filem (drama-drama televisyen) Melayu penuh dengan silang sengketa dan pertengkaran yang menyebarkan gambaran diri (*self image*) yang negatif di kalangan orang Melayu. Filem-filem Melayu ini begitu kontras berbanding filem-filem Cina; memaparkan keperkasaaan dan integriti budaya Cina dari pelbagai segi.

Saya mengemukakan pandangan am tersebut dengan sikap yang optimis, menyedari kemungkinan berlaku tanggapan yang salah atau sikap yang bias atau berat sebelah. Kerana itulah maka saya harap supaya ia dianggap sebagai satu andaian yang perlu dikaji lebih lanjut. Dan jika mungkin biarlah kajian itu lebih luas ruang lingkupnya, meliputi juga filem-filem dan sitkom-sitkom dalam bahasa Inggeris.

Saya menganggap kajian sedemikian adalah penting kerana televisyen merupakan satu bahagian yang integral – tidak terpisah – dalam kehidupan kita sehari-hari. Malah ada orang yang berhujah bahawa program-program televisyen lebih besar pengaruhnya daripada pengaruh ibu bapa dalam membentuk sikap dan kelakuan anak-anak dan generasi muda.

Televisyen sekarang merupakan satu ejen sosialisasi yang penting dan sangat besar pengaruhnya dalam membentuk nilai, pandangan hidup dan tatalaku anggota komuniti. Ini terjadi bukan sahaja kerana daya tarikan televisyen dengan pelbagai program yang menawan tetapi juga kerana kemudahan memperolehnya. Oleh sebab itu tidaklah menghairankan jika dampak dan pengaruhnya begitu tersebar dan meluas. Tentu sahaja ada mudarat dan ada manfaat.

Menyedari semuanya itu maka saya mencadangkan supaya satu kajian yang menyeluruh dan analitikal diadakan. Hasil kajian sedemikian dapat dijadikan panduan untuk merangka satu perancangan dan strategi – atau mungkin satu dasar yang komprehensif – yang bertujuan mengoptimumkan unsur-unsur manfaat dan meminimumkan kesan-kesan mudarat daripada program-program

yang disiarkan oleh televisyen tempatan.

Kita tidak mengharapkan satu hasil yang mutlak atau sempurna. Tidak mungkin semua yang membawa mudarat daripada kesan penyiaran televisyen itu dapat dibasmi seluruhnya. Dan tidak mungkin yang akan tinggal hanyalah kesan-kesan positif yang membawa manfaat sahaja. Yang wajar dan wajib kita lakukan ialah memantau secara sistematik untuk mengawasi kerosakan. Di samping itu pemantauan juga perlu dalam usaha untuk mengimplementasikan strategi untuk meningkatkan mutu.

Untuk meminjam konsep ilmu pengurusan, yang kita sarankan di sini ialah langkah-langkah mengawal kerosakan dan menggalakkan kualiti.

Rasanya tidak salah jika dikatakan bahawa kita telah bersikap agak cuai dalam menilai (memanfaatkan?) televisyen sebagai satu ejen sosialisasi – pembentukan pandangan, sikap dan nilai – yang penting. Yang dimaksudkan dengan cuai dalam konteks ini ialah potensi manfaatnya tidak dioptimumkan, manakala potensi kemudaratanya kurang diawasi.

Barangkali kenyataan sedemikian adalah satu kesimpulan umum dan agak provokatif.

Sejauh manakah peranan televisyen telah diawasi untuk menyaring unsur-unsur negatif dalam pembentukan citra diri umat Melayu? Dan sejauh manakah potensi televisyen telah dimanfaatkan dalam usaha mencapai aspirasi pembentukan satu identiti bangsa Malaysia mengikut acuan kita sendiri?

Sebagai bandingan marilah kita merujuk kajian yang dilakukan oleh *The National Family and Parenting Institute*, United Kingdom yang memberi tumpuan kepada empat *soap operas* (sandiwara atau cerita lakonan televisyen yang disiarkan secara tetap atau bersiri), iaitu *The Archers*, *Brookside*, *Coronation Street* dan *East Enders*.

Antara butiran-butiran utama yang dilaporkan ialah:

- Semua cerita lakonan televisyen tersebut, kecuali *The Archers* memaparkan gambaran yang berlebih-lebihan mengenai keruntuhan keluarga (*family breakdown*); *East Enders* mendapat kecaman kerana berlebih-lebihan menggambarkan persengketaan dan keganasan; *Coronation Street* memberi gambaran yang paling positif mengenai hubungan bapa dan anak-anaknya;
- Sebahagian besar ibu bapa yang ditemu bual berpendapat bahawa kebanyakan program televisyen tidak memberi imej yang positif tentang kehidupan berkeluarga;
- Terlalu banyak adegan seks, keganasan, kecurangan suami isteri dan penyalahgunaan arak;
- Terdapat korelasi atau hubung kait yang rapat antara pendedahan adegan-adegan ganas di televisyen dengan sikap agresif kanak-kanak yang menonton;
- Pendedahan kepada media (televisyen) memberi kesan yang sangat besar terhadap apa yang dirasakan, dipercayai dan ditakuti oleh kanak-kanak.

Itulah antara penemuan dalam kajian terhadap program televisyen (khusus mengenai empat *soap operas*) yang dilakukan oleh *The National Family and Parenting Institute*, United Kingdom itu.

- PROF. DATUK DR. FIRDAUS ABDULLAH ialah bekas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya (UM). ([firdaus@um.edu.my](mailto:firdaus@um.edu.my))  
Rencana 6 Mei 2003 (Utusan Online)  
685 patah perkataan



## **Arahan Protokol Pemikiran Verbal dan Prosedur Laporan Lisan**

(Dipadankan daripada Ting Sue Hie, 1995)

### **Arahan Protokol Pemikiran Verbal**

Anda akan diberi sebuah teks bacaan. Di dalam teks tersebut ditandai dengan tiga titik berdakwa merah. Anda dikehendaki membaca teks tersebut secara bersuara. Apabila bacaan anda tiba pada titik berdakwa merah itu, anda dikehendaki membaca, dan ujarkan apa yang anda fikirkan pada masa itu. Selepas tiga titik berdakwa merah itu, anda boleh berhenti di mana-mana yang anda sukai. Tetapi **INGAT** ujarkan apa yang anda fikirkan. Tujuan kajian ini bukan untuk meneliti sebutan anda, tetapi seberapa banyak maklumat yang anda fikirkan ketika membaca, dan apa yang anda lakukan untuk pemahaman. Baca sebagaimana anda biasa baca. Bacaan dan pengujaran anda akan dirakamkan.

### **Arahan Laporan Lisan**

Setelah tamat bacaan, anda diberi masa sebanyak 15 minit untuk mengimbas kembali teks bacaan secara senyap. Anda dibenarkan untuk membuat catatan, jika perlu. Kemudian, anda dikehendaki melaporkan apa yang telah anda baca dan fahami. Laporan anda ini juga akan dirakamkan. Anda tidak dibenarkan merujuk teks tersebut.

**Lampiran C**

**Analisis Cara Pemprosesan Leksikal**

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Definisi
1	PT1	<i>Soap operas</i>	<i>Empat soap operas ni sandiwara atau cerita lakonan televisyen yang disiarkan secara tetap atau bersiri iaitu The Archers, Brookside, Coronation Street dan East Enders.</i>
2	PT2	intergriti	<i>yang mana filem Cina banyak memaparkan tentang kejayaan ataupun kebaikan budaya Cina daripada pelbagai aspek.</i>
3		<i>Soap operas</i>	<i>.... yang telah menekankan empat soap operas iaitu sandiwara atau cerita lakonan televisyen yang disiarkan secara tetap atau bersiri ...</i>
4	PR2	<i>Soap operas</i>	<i>memberi tumpuan kepada empat soap operas ... empat aaaa ... soap operas, soap operas ni aaaa ... empat perkara penting ataupun empat ciri penting.</i>
5	PR3	<i>Soap operas</i>	<i>yang memberi tumpuan kepada empat ... empat bahagian dalam televisyen ni iaitu cerita lakonan televisyen yang disiarkan tak kiralah yang disiarkan secara tetap atau bersiri.</i>

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Sinonim
1	PT1	Universal	<i>apa saya nak mengatakan satu pandangan yang bersifat universal ni mungkin menyeluruh agaknya.</i>
2		Imaginasi	<i>Adegan yang lebih kepada imaginasi yakni gambaran.</i>
3		Integral	<i>satu bahagian yang integral atau tidak terpisah.</i>
4		Dampak	<i>dampak ni maknanya impak atau kesan.</i>
5		Menyaring	<i>menyaring ni aaaa ... mungkin membuang unsur-unsur negatif.</i>

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Sinonim
6		Citra	<i>citra diri maknanya dalam pembentukan jati diri umat Melayu.</i>
7		aspirasi	<i>mencapai aspirasi ni mungkin aaaa ... cita-cita kita.</i>
8		korelasi	<i>Maknanya aaaa ... macam ada hubung kait.</i>
9	PT2	Optimis	<i>sikap yang optimis ... aaaa ... dengan sikap yang merendah diri.</i>
10		Integral	<i>menjadi teman dalam kehidupan kita sepanjang masa.</i>
11		Komprehensif	<i>satu dasar yang begitu komprehensif ... begitu menyeluruh.</i>
12		Mutlak	<i>boleh mengharapkan sepenuhnya hasil itu sangat baik.</i>
13		Provokatif	<i>Rasanya tidak salah jika dikatakan ... yang kita sarankan di sini ialah langkah-langkah mengawal ... langkah-langkah mengawal ...</i>
14	PT3	kontras	<i>Filem-filem Melayu ni, dia kira berbeza dengan Chinese film.</i>
15		Dampak	<i>Kira kesannya, maksudnya.</i>
16		Implementasi	<i>untuk mewujudkan satu strategi.</i>
17		Keperkasaan	<i>keperkasaan tu mungkin, memaparkan keperkasaan tu kuat.</i>
18	PR2	Sosialisasi	<i>Sebagai ejen sosial peranan televisyen adalah penting.</i>
19		Optimis	<i>Aaaa ... dengan sikap yang ingin tahu, optimis, ingin tahu.</i>
20		Dampak	<i>dampak dan pengaruh, ikutan ... menjadi ikutan.</i>
21		Analitikal	<i>Mencadangkan satu kajian yang menyeluruh dan aaaa ... secara khusus diadakan.</i>
22		Implementasi	<i>mengimplementasikan strategi untuk meningkatkan mutu, untuk aaaa ... implementasikan strategi untuk ... meningkatkan, aaaa ... merancang strategi.</i>
23		Korelasi	<i>Terdapat korelasi atau hubung kait.</i>

PROTOKOL PEMIKIRAN VERBAL DALAM PEMAHAMAN BACAAN TEKS BAHASA MELAYU

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Sinonim
24	PR3	Optimum	<i>Yang bertujuan untuk menambahkan unsur-unsur manfaat</i>
25		Citra	<i>... dalam cara diri umat Melayu ni.</i>
26		Korelasi	<i>Terdapat kesan atau hubung kait atau hubung kait yang rapat.</i>

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV : Penerangan langsung
1	PT1	sosialisasi	<i>Maknanya televisyen merupakan satu ejen perhubungan yang penting dan pengaruhnya sangat besar</i>
2		Analitikal	<i>dan analitikal ni mungkin menyeluruh dan menepati semua aspek agaknya, diadakan.</i>
3		Implementasi	<i>Pemantauan ni perlu dalam usaha mengimplementasikan mungkin mempelbagaikan strategi untuk meningkatkan ilmu.</i>
4	PT2	Implementasi	<i>Pemantauan ini juga perlu dalam usaha untuk merangka satu perancangan atau strategi untuk meningkatkan mutu.</i>
5		Dioptimumkan	<i>Sebagaimana yang dikatakan di atas dimaksudkan dengan potensi atau kebaikan tidak diambil atau tidak digunakan manakala perkara-perkara yang negatif itu kurang diawasi ataupun kurang dikawal.</i>
6	PT3	sosialisasi	<i>Mungkin ejen sosialisasi ni haaa ... syarikat TV tempatan, rasanya sebagai ejen sosialisasi ni memaparkan sebuah cerita yang penuh imagination.</i>
7		integriti	<i>Macam Chinese film banyak memaparkan budaya dia, naikkan martabat dia, tak menjatuhkan bangsa sendiri. Tak memaparkan sesebuah filem itu tentang nak menjatuhkan dia punya bangsa.</i>
8		Integral	<i>Kajian terhadap program televisyen ni perlulah aaa ... apa? Aaa ... kira salah satu merupakan ciri-ciri kehidupan kita, memang wujud dalam seharian hidup kita.</i>

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV : Penerangan langsung
9	PT3	Analitikal	<i>Daripada apa yang saya katakan tadi tu saya rasa eloklah kajian terhadap satu dalam satu sistem televisyen program ini dikaji secara lebih mendalam lagi.</i>
10		komprehensif	<i>Melalui daripada kajian tu bolehlah jadikan satu rujukan untuk kita membuat satu program ataupun satu aaaa ... rancangan yang sesuai dan juga lebih bermutu.</i>
11	PR1	Integriti	<i>Integriti budaya ni mungkin mmmm ... ciri. Integriti ni mungkin ciri budaya Cina dari pelbagai seni, pelbagai segi.</i>
12		Implementasi	<i>Mungkin mengimplementasikan tu mengaturkan strategi untuk meningkatkan mutu.</i>
13	PR2	integriti	<i>integriti, integriti dan aaaa ... bukan ... budaya ... aaaa ... apa? Mmmm ... bukan. Semangat budaya Cina dari pelbagai segi.</i>
14		komprehensif	<i>.... sebagai satu panduanlah ataupun rujukan untuk merangka satu perancangan, ataupun satu kerja ataupun strategi ataupun mungkin satu dasar yang komprehensifaaaa ... satu dasar yang lebih tersusun.</i>
15	PR3	komprehensif	<i>untuk merangka satu rancangan, satu rancangan atau strategi atau mungkin satu dasar yang sungguh apa ... atau satu dasar yang sungguh bijak.</i>

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Sebab-akibat
1	PT2	dampak	<i>Oleh sebab itu kita tidak aaaa ... tidaklah menghairankan kita kerana ia telah memberi, pengaruhnya telah tersebar dengan meluas. Tentu sahaja ada mudarat dan ada manfaatnya. televisyen ini aaaa ... boleh mendatang kebaikan dan juga keburukan.</i>
2	PR3	Integriti	<i>jika dibandingkan dengan filem Cina kerana filem Cina ni dia macam dia tunjukkan cara hidup dia orang yang sentiasa daripada bermacam segi lah, apa ... cara hidup dia orang yang baik-baik.</i>

PROTOKOL PEMIKIRAN VERBAL DALAM PEMAHAMAN BACAAN TEKS BAHASA MELAYU

Bil.	Subjek	Perkataan	PPV: Perbandingan
1	PT3	korelasi	<i>Kira dia punya kaitan tu kuat kerana isu-isu macam ni, adegan-adegan yang ganas ni, kiranya scene-scene ni kan boleh bawak sifat ganas terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak yang menonton tu akan menjadi liar, jiwa dia orang nak memberontak.</i>
2	PR1	imaginasi	<i>Imaginasi tu macam bayangan.</i>

## Analisis Strategi Pemahaman Bacaan

### Kod Subjek: PT1

- Baca Kaji kandungan program televisyen tempatan. Sebagai ejen sosialisasi peranan televisyen mustahak benar.
- PPV [*Maknanya televisyen sebagai ejen perhubungan*], (11b)\* [maknanya peranannya memang penting.] (11a)
- Baca Isi kandungannya patut dikaji agar budaya tidak tercemar.
- PPV Segala apa yang dikeluarkan melalui televisyen perlu dikaji baik buruk dia] (5) [supaya budaya kita tidak tercemar]. (11a)
- Baca Sebelum itu saya mengemukakan satu pandangan yang bersifat universal bahawa filem-filem India yang disiarkan oleh televisyen tempatan membawa kesan yang mengalpakan penonton dengan adegan-adegan yang penuh imaginasi.
- PPV Aaaa ... Maknanya ... [Sebelum itu saya mengemukakan satu pandangan yang bersifat universal](12) [maknanya ... aaa ... sebelum apa-apa saya nak mengatakan satu pandangan yang bersifat universal ni mungkin menyeluruh agaknya ...] (15) [filem-filem Hindi atau Bollywood atau Tamil yang disiarkan melalui televisyen ni dapat apa tu?] (4) [Mengkhayalkan penonton dengan adegan-adegan yang penuh imaginasi maknanya dengan ... aaa ... apa?] (4) [Adegan yang lebih kepada imaginasi yakni gambaran.] (6)
- Baca Manakala filem-filem (drama-drama televisyen) Melayu penuh dengan silang sengketa dan pertengkaran yang menyebarkan gambaran diri (*self image*) yang negatif di kalangan orang Melayu.
- PPV [Filem-filem Melayu pula selalunya memaparkan tentang pergaduhan, semuanya yang menunjukkan sifat negatif yang ada dalam diri orang-orang Melayu itu sendiri.] (11a)
- Baca Filem-filem Melayu ini begitu kontras berbanding filem-filem Cina;
- PPV [Filem-filem Melayu ni ... aaaa ... kontra maknanya lain, jauh berbeza dengan filem-filem Cina.] (11a)
- Baca memaparkan keperkasaan dan integriti budaya Cina dari pelbagai segi.
- PPV [Maknanya cerita-cerita Cina ni dia ... aaaa ... memaparkan kekuatan atau integriti ini mungkin ... apa ... aaaa ... kejap-kejap.] (9)
- Baca Saya mengemukakan pandangan am tersebut dengan sikap yang optimis, menyedari kemungkinan berlaku tanggapan yang salah atau sikap yang bias atau berat sebelah.

- PPV [Ok ... saya mengemukakan pandangan ini dengan ... aaa ... apa optimis ni? Maknanya macam apa, macam mana ya?] (14) [Optimislah macam mengemukakan pandangan yang optimis] (15) [...tak apalah ...] (22) [ok sebab berlaku, menyedari kemungkinan sebab berlakunya tanggapan yang salah atau sikap yang bias ...] (11) [sikap yang bias ni mungkin yang berat sebelah.] (15)
- Baca Kerana itulah maka saya harap supaya ia dianggap sebagai satu andaian yang perlu dikaji lebih lanjut.
- PPV [So, sebab itu saya anggap benda ni hanya satu andaian yang perlu dibuat kajian lagi ke atasnya.] (11a)
- Baca Dan jika mungkin biarlah kajian itu lebih luas ruang lingkungannya, meliputi juga filem-filem dan sitkom-sitkom dalam bahasa Inggeris.
- PPV [Maknanya kalau benda ni kemungkinannya benar,] (5) [biarlah kajian yang seterusnya yang dibuat itu skopnya lebih meluas meliputi filem-filem dan sitkom-sitkom Inggeris.] (11a)
- Baca Saya menganggap kajian sedemikian adalah penting kerana televisyen merupakan satu bahagian yang integral.
- PPV [Ok. Saya anggap kajian ini aaaa ... kajian macam ni perlu dan penting] (2) [sebab televisyen merupakan satu bahagian yang integral atau tidak terpisah ni dalam kehidupan kita sehari-hari.] (11a)
- Baca Malah ada orang yang berhujah bahawa program-program televisyen lebih besar pengaruhnya daripada pengaruh ibu bapa dalam membentuk sikap dan kelakuan anak-anak dan generasi muda.
- PPV [Ada orang kata yang program televisyen ni lebih mudah mempengaruhi anak-anak dan generasi muda daripada pengaruh ibu bapa sendiri.] (11a)
- Baca Televisyen sekarang merupakan satu ejen sosialisasi yang penting dan sangat besar pengaruhnya dalam membentuk nilai, pandangan hidup dan tatalaku anggota komuniti.
- PPV [Maknanya televisyen merupakan satu ejen perhubungan yang penting] (11b) [dan pengaruhnya sangat besar] (11a) [aaaa ... dalam membentuk nilai, pandangan hidup dan tatalaku anggota komuniti,] (12) [komuniti ni maknanya aaaa ... maknanya macam masyarakatlah ... anggota masyarakat.] (15)
- Baca Ini terjadi bukan sahaja kerana daya tarikan televisyen dengan pelbagai program yang menawan tetapi juga kerana kemudahan memperolehnya.
- PPV [Ok. Aaaa ... apa?] (4) [televisyen ni dianggap sebagai penting dan pengaruhnya amat besar] (3) [sebab dia bukan saja daya tarikan televisyen tu sendiri ... macam ... jadi dengan pelbagai program, tapi televisyen ni juga mudah diperoleh.] (11a)
- Baca Oleh sebab itu tidaklah menghairankan jika dampak dan pengaruhnya begitu tersebar dan meluas.
- PPV [Maknanya aaaa ... maknanya tidak hairan dampak ni maknanya impak



- atau kesan] (15) [dan pengaruh televisyen tu aaaa ... tersebar dengan meluas.] (11a)
- Baca Tentu sahaja ada mudarat dan ada manfaat.
- PPV [Maknanya televisyen ni ada membawa kebaikan dan ada yang membawa keburukan.] (11a)
- Baca Menyedari semuanya itu maka saya mencadangkan supaya satu kajian yang menyeluruh dan analitikal diadakan.
- PPV [Aaaa ... ok.] (8) [Aaaa ... memandangkan televisyen ni ada kebaikan dan keburukan] (3) [saya cadangkan supaya satu kajian yang menyeluruh] (12) [aaaa ... dan analitikal ni mungkin menyeluruh dan menepati semua aspek agaknya, diadakan.] (15)
- Baca Hasil kajian sedemikian dapat dijadikan panduan untuk merangka satu perancangan dan strategi – atau mungkin satu dasar yang komprehensif – yang bertujuan mengoptimumkan unsur-unsur manfaat dan meminimumkan kesan-kesan mudarat daripada program-program yang disiarkan oleh televisyen tempatan.
- PPV [Maknanya aaaa ... hasil daripada kajian yang telah dijalankan tu ok, boleh dijadikan panduan untuk merangka satu perancangan aaaa ... dan strategi atau mungkin satu dasar yang komprehensif,] (12) [komprehensif ni macam satu dasar yang aaaa ... macam mana eeh ... aaaa ... tak apalah.] (24) [Atau yang bertujuan untuk mengoptimumkan unsur-unsur manfaat ni maknanya meningkatkan memperbanyakkan unsur-unsur manfaat dan meminimumkan kesan-kesan mudarat daripada program-program yang disiarkan oleh televisyen tempatan.] (11a) [Aaaa ... dan mengurangkan kesan-kesan keburukan daripada program yang disiarkan dari televisyen tempatan.] (11a)
- Baca Kita tidak mengharapkan satu hasil yang mutlak atau sempurna.
- PPV [Maknanya daripada kajian ini kita tidak harapkan satu kajian yang aaaa ... sempurna.] (11a)
- Baca Tidak mungkin semua yang membawa mudarat daripada kesan penyiaran televisyen itu dapat dibasmi seluruhnya.
- PPV [Maknanya tidak mungkin semua kesan-kesan buruk tu dapat dibasmi atau maknanya dapat di aaaa ... musnahkan atau dapat dibuang seluruhnya.] (11a)
- Baca Dan tidak mungkin yang akan tinggal hanyalah kesan-kesan positif yang membawa manfaat sahaja.
- PPV [Dan tidak mungkin yang tinggal tu hanya kesan-kesan baik yang membawa manfaat aje ok!] (11a)
- Baca Yang wajar dan wajib kita lakukan ialah memantau secara sistematik untuk mengawasi kerosakan.
- PPV [Maknanya aaaa ... yang seharusnya kita buat ialah aaaa ... memantau] (11a) [maknanya membuat kajian dengan bersistematik untuk aaaa ... apa?]

- (4) [Untuk mengelak, mengawasi ni maknanya untuk mengelakkan kerosakan.] (15)
- Baca Di samping itu pemantauan juga perlu dalam usaha untuk mengimple-  
mentasikan strategi untuk meningkatkan mutu.
- PPV [Pemantauan ni perlu dalam usaha mengimplementasikan mungkin  
mempelbagaikan strategi untuk meningkatkan ilmu.] (16)
- Baca Untuk meminjam konsep ilmu pengurusan, yang kita sarankan di sini ialah  
langkah-langkah mengawal kerosakan dan menggalakkan kualiti.
- PPV [Maknanya untuk meminjam konsep ilmu pengurusan, apa yang kita  
saranakan ...] (12) [yang kita rasa baik untuk dilakukan ... ] (5) [ialah  
langkah-langkah mengawal kerosakan dan langkah-langkah menggalakkan  
kualiti.] (12)
- Baca Rasanya tidak salah jika dikatakan bahawa kita telah bersikap agak cuai  
dalam menilai (memanfaatkan?) Televisyen sebagai satu ejen sosialisasi -  
pembentukan pandangan, sikap dan nilai – yang penting.
- PPV [Ok. Maknanya aaaa ... rasanya aaaa ... tak salah kalau kita katakan kita  
sendiri yang cuai dalam menilai televisyen sebagai satu ejen yang  
membentuk pandangan, sikap dan nilai yang penting.] (11a)
- Baca Yang dimaksudkan dengan cuai dalam konteks ini ialah potensi manfaatnya  
tidak dioptimumkan
- PPV [Maknanya aaaa ... yang dimaksudkan cuai dalam hubungan ini ialah  
kebolehan manfaatnya tidak dioptimumkan maknanya tidak digunakan  
secara maksimum.] (11a)
- Baca Manakala potensi kemudaratanya kurang diawasi.
- PPV [Manakala potensi kemudaratanya kurang diawasi maknanya  
kemudaratanya sedikit dibiarkanlah.] (11a)
- Baca Barangkali kenyataan sedemikian adalah satu kesimpulan umum dan agak  
provokatif.
- PPV [Mungkin kenyataan tu hanya satu kesimpulan umum.] (12) [Provokatif  
ni aaaa ... mungkin aaaa ... macam mana eeeh ... provokatif ...] (14)  
[Manakala kenyataan sedemikian adalah satu kesimpulan umum yang agak  
provokatif aaaa ... tak apalah.] (24) [ Nanti dulu.] (21)
- Baca Sejauh manakah peranan televisyen telah diawasi untuk menyaring unsur-  
unsur negatif dalam pembentukan citra diri umat Melayu?
- PPV [Maknanya sejauh televisyen ni telah memainkan peranan untuk apa ni,]  
(4) [menyaring ni aaaa ... mungkin membuang unsur-unsur negatif] (16)  
[dalam pembentukan citra diri maknanya dalam pembentukan jati diri umat  
Melayu.] (11a)
- Baca Dan sejauh manakah potensi televisyen telah dimanfaatkan dalam usaha  
mencapai aspirasi pembentukan satu identiti bangsa Malaysia mengikut  
acuan kita sendiri?
- PPV [Maknanya sejauh manakah kebolehan televisyen ni telah diguna pakai

- aaaa ... ke arah kebaikan,] (11a) [dalam usaha mencapai aspirasi ni mungkin aaaa ... cita-cita kita] (16) [dalam pembentukan satu identiti ni macam trade marklah ...] (18) [bangsa Malaysia mengikut cara kita sendiri.] (11a)
- Baca Sebagai bandingan marilah kita merujuk kajian yang dilakukan oleh *The National Family and Parenting Institute*, United Kingdom yang memberi tumpuan kepada empat *soap operas*
- PPV [Di sini maknanya aaaa ... kalau nak buat bandingan kita merujuk kajian yang dilakukan oleh *The National Family and Parenting Institute*.] (11a) [Mereka lebih memberi tumpuan kepada empat *soap operas*.] (11a) [Empat *soap operas* ni sandiwara atau cerita lakonan televisyen yang disiarkan secara tetap atau bersiri iaitu *The Archers*, *Brookside*, *Coronation Street* dan *East Enders*.] (15)
- Baca Antara butiran-butiran utama yang dilaporkan ialah:
- PPV [Dalam laporan tu aaaa ... apa?] (4) [Butiran-butiran utama yang dilaporkan dalam laporan tu aaaa ...] (11a)
- Baca Semua cerita lakonan televisyen tersebut, kecuali *The Archers* memaparkan gambaran yang berlebih-lebihan mengenai keruntuhan keluarga.
- PPV [Maknanya semua cerita televisyen yang disebutkan di atas kecuali *The Archers* memaparkan gambaran yang melampau-lampau tentang keruntuhan keluarga ok?] (11a)
- Baca *East Enders* mendapat kecaman kerana berlebih-lebihan menggambarkan persengketaan dan keganasan; *Coronation Street* memberi gambaran yang paling positif mengenai hubungan bapa dan anak-anaknya;
- PPV [Maknanya drama *East Enders* ni dikecam maknanya di ... macam mana aaah?] (4) [Maknanya mendapat kecaman, mendapat kritikan kerana macam menggambarkan persengketaan dan keganasan tu secara melampau-lampau; *Coronation Street* memberi gambaran yang paling positif mengenai hubungan bapa dan anak-anaknya; maknanya *Coronation Street* memberi gambaran yang paling baik mengenai hubungan anak-anak dan bapa.] (11a)
- Baca Sebahagian besar ibu bapa yang ditemu bual berpendapat bahawa kebanyakan program televisyen tidak memberi imej yang positif tentang kehidupan berkeluarga.
- PPV [Ok. Maknanya kebanyakan ibu bapa yang telah ditemu bual memberi pendapat yang program televisyen ni tidak banyak memberi imej yang positif tentang kehidupan berkeluarga.] (11a)
- Baca Terlalu banyak adegan seks, keganasan, kecurangan suami isteri dan penyalahgunaan arak
- PPV [Maknanya ibu bapa ni tadi kata,] (3) [Televisyen lebih banyak memaparkan adegan seks, keganasan, kecurangan suami isteri dan penyalahgunaan dadah.] (11a)
- Baca Terdapat korelasi atau hubung kait yang rapat antara pendedahan adegan-

- adegan ganas di televisyen dengan sikap agresif kanak-kanak yang menonton
- PPV [Ok. Maknanya aaaa ... macam ada hubung kait yang rapat antara pendedahan adegan ganas daripada televisyen ni dengan sikap agresif ni.] (11a) [macam mana ... apa ...] (4) [aktif ataupun *excited*lah kanak-kanak yang menonton cerita-cerita ni.] (2)
- Baca Pendedahan kepada media (televisyen) memberi kesan yang sangat besar terhadap apa yang dirasakan, dipercayai dan ditakuti oleh kanak-kanak.
- PPV [Ok. Maknanya kanak-kanak ni aaaa ... apa?] (4) [Pendedahan yang diberikan oleh media ini memberi kesan yang besar kepada kanak-kanak maknanya apa ni?] (4) [Dia percaya apa yang ditengok ke biar dia rasa ke dia takut apabila dia tengok cerita tu, *so* dia percaya tentang cerita tu ...] (6) [kalau yang macam cerita macam mana ya ...] (4) [macam cerita yang menggerunkan tu benda-benda yang tak patut kadang-kadang dipatut juga ...] (6) [ Ha, macam tulah!] (23)
- Baca Itulah antara penemuan dalam kajian terhadap program televisyen (khusus mengenai empat *soap operas*) yang dilakukan oleh *The National Family and Parenting Institute*, United Kingdom itu.
- PPV [Makna aaaa ... yang disebutkan ni, ialah penemuan dalam kajian yang *The National Family and Parenting Institute* telah lakukan terhadap televisyen.] (11a)